




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

16 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 639 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 209,556 kes. Sebanyak 12 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tiga (3) kes di Sandakan dan Semporna manakala Beaufort, Kota Kinabalu, Kota Marudu, Pitas, Tambunan dan Tuaran masing-masing mencatatkan satu (1) kes kematian. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 901 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 197,447 orang. Manakala 2,204 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 864 orang di hospital, 1,332 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, tujuh (7) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 108 orang merangkumi 102 di ICU/repurposed kritikal care serta enam (6) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 35 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage empat* (4) dan *lima* (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 165 (52.38%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Secara keseluruhan jumlah kes baharu di Sabah hari ini adalah lebih rendah daripada kelmarin. Jumlah kes baharu yang didaftar ialah 639, penurunan sebanyak 81 kes berbanding jumlah kelmarin.
- b. Daripada 639 kes tersebut, 350 atau (55%) adalah kes-kes yang berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu. Selebihnya adalah kes-kes yang didaftar lewat sekurang-kurangnya dua hari selepas keputusan saringan diketahui. Antara daerah yang terlibat ialah Kota Kinabalu yang mencatatkan 76 kes lewat didaftar dua hari atau lebih setelah keputusan saringan diketahui, Penampang 44 kes, Kota Belud 49 kes dan Papar 21.
- c. Peratusan kes yang dianggap kes-kes sporadik semakin meningkat, hampir 39% daripada kes keseluruhan. Kes-kes sporadik biasanya berlaku kerana kelalian tidak mematuhi SOP semasa bergaul atau berada di khalayak ramai. Adalah dikhuatiri peralihan negeri Sabah ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Nasional yg membenarkan lebih banyak aktiviti sosial dan ekonomi berkemungkinan akan meningkatkan risiko jangkitan virus secara sporadik.
- d. Adalah amat diharapkan keseluruhan masyarakat akan lebih bertanggungjawab dalam mematuhi semua SOP yg berkuatkuasa bagi mengelak jangkitan virus Covid. Pembukaan semula sempadan daerah dan peralihan Sabah ke Fasa 3 PPN meletakkan tanggungjawab ke atas setiap orang menjadi benteng barisan hadapan dalam usaha kita membanteras virus Covid.
- e. Keberkesanan pengambilan vaksin dapat dilihat daripada kategori pesakit yang dilaporkan setiap hari. Mereka yang telah divaksin (lengkap) memiliki imuniti yang lebih tinggi dan kalau pun dijangkiti hanya akan berada dalam kategori pesakit 1 dan 2.

- f. Hari ini cuma 2 orang pesakit dalam Kategori 5 dan 5 orang dalam Kategori 4. Pesakit-pesakit dalam dua kategori ini adalah mereka yang memerlukan penjagaan rapi kesan jangkitan virus Covid. Dalam masa yang sama mereka juga berkemungkinan mengalami penyakit-penyakit lain atau belum menerima vaksin.
- g. Cuma 3 orang dalam Kategori 3, 546 orang (85.5%) dalam Kategori 2 dan 56 orang (8.8%) dalam Kategori 1. Mereka dalam Kategori 1 lazimnya tidak menunjukkan sebarang simptom jangkitan (asymptomatic) dan mereka dalam Kategori 2 pula mengalami simptom ringan seperti batuk, demam atau selesema.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (357) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------------|---------------------|------------------|
| 1 | Kluster | 0 | 0.00% |
| 2 | Bergejala | 247 | 38.65% |
| 3 | Kontak | 357 | 55.87% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0.00% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 35 | 5.47% |
| JUMLAH | | 639 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (15 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 15/10/2021 | Catatan Kes 16/10/2021 | Perbandingan |
|---------------|---------------|-------------------------------|-------------------------------|---------------------|
| 1 | Penampang | 17 | 48 | +31 |
| 2 | Ranau | 31 | 52 | +21 |
| 3 | Beaufort | 15 | 31 | +16 |
| 4 | Kota Kinabalu | 68 | 80 | +12 |
| 5 | Kota Belud | 50 | 59 | +9 |
| 6 | Kuala Penyu | 1 | 10 | +9 |
| 7 | Pitas | 11 | 19 | +8 |
| 8 | Sipitang | 11 | 15 | +4 |
| 9 | Papar | 22 | 25 | +3 |
| 10 | Nabawan | 10 | 12 | +2 |
| 11 | Kunak | 3 | 5 | +2 |
| 12 | Semporna | 4 | 5 | +1 |
| 13 | Kalabakan | 1 | 1 | Mendatar |
| 14 | Kinabatangan | 57 | 14 | -43 |
| 15 | Kudat | 62 | 32 | -30 |
| 16 | Tenom | 50 | 21 | -29 |
| 17 | Keningau | 58 | 38 | -20 |
| 18 | Kota Marudu | 44 | 29 | -15 |
| 19 | Putatan | 34 | 22 | -12 |
| 20 | Tawau | 24 | 13 | -11 |
| 21 | Tuaran | 42 | 33 | -9 |
| 22 | Tongod | 8 | 0 | -8 |
| 23 | Telupid | 16 | 9 | -7 |
| 24 | Tambunan | 14 | 8 | -6 |
| 25 | Sandakan | 18 | 13 | -5 |
| 26 | Lahad Datu | 31 | 28 | -3 |
| 27 | Beluran | 18 | 17 | -1 |
| JUMLAH | | 720 | 639 | -81 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari (2 Oktober – 15 Oktober) |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|--|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 54 | 21 | 0 | 5 | 80 | 1,113 |
| Kota Belud | 0 | 31 | 26 | 0 | 2 | 59 | 827 |
| Ranau | 0 | 32 | 18 | 0 | 2 | 52 | 722 |
| Penampang | 0 | 28 | 19 | 0 | 1 | 48 | 387 |
| Keningau | 0 | 27 | 9 | 0 | 2 | 38 | 664 |
| Tuaran | 0 | 18 | 12 | 0 | 3 | 33 | 510 |
| Kudat | 0 | 17 | 15 | 0 | 0 | 32 | 421 |
| Beaufort | 0 | 16 | 15 | 0 | 0 | 31 | 247 |
| Kota Marudu | 0 | 10 | 18 | 0 | 1 | 29 | 553 |
| Lahad Datu | 0 | 11 | 17 | 0 | 0 | 28 | 512 |
| Papar | 0 | 11 | 13 | 0 | 1 | 25 | 381 |
| Putatan | 0 | 14 | 7 | 0 | 1 | 22 | 277 |
| Tenom | 0 | 9 | 12 | 0 | 0 | 21 | 483 |
| Pitas | 0 | 10 | 4 | 0 | 5 | 19 | 339 |
| Beluran | 0 | 12 | 4 | 0 | 1 | 17 | 200 |
| Sipitang | 0 | 12 | 2 | 0 | 1 | 15 | 167 |
| Kinabatangan | 0 | 9 | 5 | 0 | 0 | 14 | 305 |
| Tawau | 0 | 4 | 7 | 0 | 2 | 13 | 326 |
| Sandakan | 0 | 7 | 4 | 0 | 2 | 13 | 419 |
| Nabawan | 0 | 10 | 1 | 0 | 1 | 12 | 159 |
| Kuala Penyu | 0 | 4 | 5 | 0 | 1 | 10 | 56 |
| Telupid | 0 | 5 | 4 | 0 | 0 | 9 | 165 |
| Tambunan | 0 | 3 | 5 | 0 | 0 | 8 | 173 |
| Semporna | 0 | 0 | 2 | 0 | 3 | 5 | 113 |
| Kunak | 0 | 3 | 1 | 0 | 1 | 5 | 112 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 44 |
| Tongod | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 88 |
| JUMLAH | 0 | 357 | 247 | 0 | 35 | 639 | 9,763 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|-----------------------|--------------|-------------------|
| Tiada Catatan Kluster | | |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,420 unit

- Hospital 1,940 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,010 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 34.33%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 16 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|------------|
| Tempatan | 638 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 0 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 0 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 1 |
| Jumlah | 639 |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|------------------------|------------|
| Malaysia | 623 |
| Bukan Malaysia | 16 |
| Jumlah | 639 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-------------------------------|------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 12) | 131 |
| Belum Menerima Vaksin | 110 |
| Menerima 1 Dos | 25 |
| Lengkap 2 Dos | 373 |
| Jumlah | 639 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------------|------------|
| <1 | 11 |
| 1 to 5 | 62 |
| 6 to 11 | 58 |
| 12 to 17 | 43 |
| 18 to 25 | 83 |
| 26 to 59 | 302 |
| >60 | 80 |
| Jumlah | 639 |

C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

| BIL | DAERAH | BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 16 Oktober 2021) |
|---------------|--------|--|
| 1 | Ranau | 1 |
| JUMLAH | | 1 |

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 15 Oktober 2021 adalah seramai 29,652 orang. Daripada jumlah ini, seramai 10,173 orang adalah penduduk dewasa dan seramai 19,479 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 15 Oktober 2021 adalah seramai 2,405,622 orang. Ini meliputi 2,091,648 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.8% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,170,704 orang. Daripada jumlah ini, seramai 1,980,802 orang atau 71.8% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 313,974 orang atau 73.7% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 189,902 atau 45.0% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **655,853** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 13 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 12,014 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 15 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - 15 Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 170 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 34 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 993 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 535 premis perniagaan dan 929 individu di 18 kawasan. Satu (1) kompaun dikenakan ke atas premis dengan kesalahan membenarkan pelanggan masuk premis tanpa scan MySejahtera di 24 Seven Supermart, Api-Api Centre. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 284 Premis Perniagaan melibatkan 165 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 119 anggota di 162 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di sembilan (9) premis, melibatkan tujuh (7) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 85 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 211 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|------------|---------------|----------------|
| 1 | Semporna | 98% |
| 2 | Kunak | 98% |
| 3 | Kudat | 98% |
| 4 | Ranau | 98% |
| 5 | Sandakan | 98% |
| 6 | Beluran | 97.5% |
| 7 | Papar | 97.5% |
| 8 | Lahad Datu | 97.5% |
| 9 | Kota Kinabalu | 97.5% |
| 10 | Beaufort | 97.5% |
| 11 | Kota Belud | 97.5% |
| 12 | Penampang | 97.5% |
| 13 | Tawau | 97.5% |
| 14 | Tenom | 97% |
| 15 | Tuaran | 97% |
| 16 | Sipitang | 97% |
| 17 | Kota Marudu | 97% |
| 18 | Keningau | 97% |
| 19 | Kinabatangan | 97% |

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**